

**AMALAN BUDAYA GENDANG MELAYU SARAWAK  
DI SADONG JAYA, KOTA SAMARAHAN**

**OLEH**

**MOHAMMAD RASHIDI BIN AHMAD 97348635**

**“Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang untuk memenuhi sebahagian syarat memperolehi  
Diploma Pentadbiran Awam”**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN SARAWAK**

**SEPTEMBER 2001**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SURAT PENYERAHAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI GRAF	ix
SENARAI GAMBAR FOTO	x

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Matlamat Kajian	3
1.3 Penyata Masalah	4
1.4 Hipotesis	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Literature Review	10
1.8 Methodologi	13
1.9 Susunan Bab	16

## **ABSTRAK**

Budaya Gendang Melayu Sarawak adalah satu budaya orang Melayu sejak berzaman iaitu sejak dari nenek- moyang dahulu lagi. Ianya telah wujud beratus tahun yang lampau di mana diamalkan oleh Masyarakat Melayu dalam kehidupan mereka. Budaya ini sebenarnya mempunyai disiplin tersendiri yang mana ia seharusnya diikuti supaya tidak mencemari budaya ini sendiri. Kalau dari orang yang memang memahami budaya ini, orang yang melanggar peraturannya akan menghadapi kesulitan atas kesilapan yang dilakukan. Tetapi atas sebab pelbagai sosialisme yang berlaku Budaya Gendang Melayu Sarawak melalui satu perubahan sedikit demi sedikit sama ada dari segi amalannya, fungsi dan juga disiplin yang wujud dalam budaya ini. Kajian dan penyelidikan seperti yang dilakukan ini melihat budaya ini dari segi pelbagai prospek untuk memastikan ianya masih menjadi amalan orang- orang Melayu. Apa yang nyata, kajian ini melihat apakah unsur luar yang telah mempengaruhi budaya ini yang mana ia menghadapi kesukaran untuk terus diamalkan di dalam masyarakat yang serba moden ini. Kalau zaman dahulu ianya sememangnya budaya yang amat diagung- agungkan oleh anak- anak muda di mana di majlis seperti bergendanglah tempat mereka mencari calon isteri. Di sinilah juga berlakunya pepisahan di antara sepasang kekasih yang mana biasanya telah bertunang ikatan mereka terputus disebabkan alasan- alasan kecurangan. Tetapi, hari ini budaya ini semakin pudar sinarnya dikalangan anak- anak muda dan hanya menyerlah dikalangan orang tua- tua sahaja. Semoga dengan adanya kajian ini Budaya Gendang Melayu Sarawak akan terus subur sepanjang waktu.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Gendang Melayu Sarawak merupakan satu aktiviti yang berunsurkan budaya lama. Tetapi budaya ini masih hidup sehingga ke abad ke-21 ini. Aktiviti ini bukanlah setakat dihidupkan secara aktifnya oleh orang- orang tua dahulu kala sahaja, tetapi budaya ini telah menjadi suatu kebudayaan yang mana dapat memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan masyarakat pada masa kini.

Kalau pada tahun 1950'an, Gendang Melayu Sarawak hanyalah dikenali oleh masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada budaya bergendang sahaja. Tetapi kalau dibandingkan kita hari ini budaya dan adat- istiadat Gendang Melayu Sarawak semakin dikenali oleh seluruh lapisan Masyarakat Melayu dari semua peringkat umur. Bahkan, kalau dilihat sekarang ini, Gendang Melayu Sarawak semakin dikenali dan juga diminati oleh masyarakat yang bukan dari bangsa Melayu. Hari ini, kita boleh lihat yang mana Gendang Melayu Sarawak semakin hari ianya semakin dipertingkatkan segala aktiviti yang berkaitan dengan Gendang Melayu. Sebagai contohnya, pertandingan demi pertandingan diadakan sama ada diperingkat Kampung, Daerah atau Peringkat Bahagian. Dalam pada masa yang sama, bengkel pembelajaran dan pengajaran teknik bergendang juga diadakan, persembahan- persembahan umum seperti yang biasa diadakan di Tebingan Kuching, di Kampung Budaya Sarawak dan sebagainya.

Di Sarawak, Budaya bergendang ini telah menjadi suatu yang lumrah di mana setiap adanya keramaian dan upacara rasmi dan tidak rasmi, persembahan bergendang adalah

## **BAB 2**

### **LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN**

#### **2.1 Latar Belakang umum Negeri Sarawak**

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia, dengan keluasan 124,967 kilometer persegi atau lebih kurang 37 peratus luas keseluruhan Negara Malaysia. Sarawak terletak di Barat Laut Pantai Pulau Borneo dengan kedudukan antara 110 darjah hingga 115 darjah garisan bujur dengan antara 1 darjah hingga 5 darjah garis lintang. Sarawak berkongsi Pulau Borneo dengan Sabah, Negara Brunei Darussalam dan Kalimantan di bawah Republik Indonesia.

“Sarawak, the largest in Malaysia, with an area of approximately 124,976 kilometers and population of more than 1.5 millions, is a gateway to a land of unspoiled, lush tropical greenery and adventures”<sup>2</sup>.

Negeri Sarawak boleh dibahagikan kepada 3 unit utama dari aspek topografinya: iaitu sempadan di selatan yang dipenuhi dengan gunung-ganang, terletak di tengah-tengah Pulau Borneo setinggi 4,000 hingga 6,000 kaki dari aras laut. Di bawah banjaran gunung ini pula terdapat kawasan bukit- bukau yang ketinggiannya kurang dari 1,000 kaki. Unit ketiga ialah tanah datar yang subur kesan daripada ratusan sungai di Sarawak.<sup>3</sup> Negeri Sarawak juga telah dibahagikan kepada bahagian- bahagian. Sila lihat jadual 2.1 (a).

---

<sup>2</sup> R. K Bhattacharyya, 1994: ix

<sup>3</sup> Vinson, 1978: 8